

'Ratusan peluru di atas kepala'

B/H 2/6/12 MAS 20

Abas tak dapat lupa peristiwa serangan musuh sebaik turun dari pesawat

Oleh Nurhayati Abillah
bhnews@bharian.com.my

PENGALAMAN dihujani ratusan peluru tidak pernah dilupakan oleh bekas Lans Koperal Abas Amran, 79, yang mengikuti misi pengaman pertama negara di bawah panji-panji Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Congo, Afrika, kira-kira 50 tahun lalu.

Abas, bapa kepada enam anak dan 12 cucu itu tidak dapat membayangkan situasi mencemaskan itu kerana masih terselamat walaupun diterjah peluru yang dimuntahkan senjata musuh yang melakukan pemberontakan di negara berkenaan.

"Saya boleh umpamakan sebagai mati hidup semula. Tidak terlintas dalam hati, sebaik turun dari pesawat perang yang membawa Pasukan Kor Peninjau yang turut dikenali Pasukan Perisik dalam Batalion Ke-2 Rejimen Askar Melayu Diraja (2RAMD) dari Dar es Salam ke Katanga, pasukan kami terus diserang.

"Jejak saja kaki di kawasan pemberontakan itu, ratusan peluru berada di atas kepala kami. Tanpa berfikir panjang, kami mencari tempat perlindungan dan pada masa sama, bertungkus-lumus menggali lubang untuk menyelamatkan nyawa.

"Bayangkan pada saat getir itu, kami terpaksa mengerah tenaga serta fikiran untuk menyelamatkan diri daripada terkena tujahan peluru dan pada masa sama perlu menggali lubang untuk menyelamatkan nyawa," katanya ketika ditemui di kediamannya di Ampang, Ipoh, baru-baru ini.

Menceritakan detik itu, Abas sempat meluahkan rasa syukur ke-



ABAS bersama kereta perisai yang digunakan pasukannya ketika bertugas di Congo.

MENJEJAKI WIRA CONGO



Untuk berkongsi pengalaman hubungi talian 03-20569309 atau 03-20569356 atau e-mel bhnews@bharian.com.my

rana semua hampir 1,000 anggota dalam pasukannya terselamat dan hanya cedera ringan ketika usaha menyelamatkan diri.

"Kami terpaksa berada dalam lubang sempit itu lebih 24 jam. Ketika itu, tidak terfikir soal lapar atau

dahaga kerana lebih penting adalah nyawa sendiri. Selepas tempoh itu, keadaan agak terkawal dan barulah kami merangkak keluar dari lubang dalam keadaan masih berwaspada.

"Pasukan kami akhirnya dibawa ke kem penempatan pasukan tentera PBB lain untuk berehat dan memulihkan tenaga sebelum meneruskan misi berkenaan. Kami adalah pasukan perisik dan semangnya perlu berada di barisan hadapan untuk mendapatkan perkembangan terkini dan meninjau pergerakan musuh," katanya.

Sambil memelawa penulis dan jurugambar *Berita Harian* menjamu selera hidangan mihun dan sandwich tuna sambil diselangi minuman Nescafe pekat, Abas tidak mampu menzahirkan perasaan bangganya menjadi askar Melayu sepanjang enam bulan di Congo.

Walaupun tidak menolak kekurangan yang ada pada pasukan RAMD, yang hanya menggunakan senjata agak ketinggalan berbanding negara lain seperti Indonesia ketika itu, warga tua itu tetap bersemangat mengatakan pasukan Askar Melayu adalah terhebat.

"Memang sepanjang 28 hari belayar di atas kapal perang Amerika dari Port Klang menuju ke Dar es Salam, kami sering menerima kritikan tentera Indonesia mengatakan senjata atau senapang digunakan kami ketinggalan zaman.

"Namun, kami tidak mengendahkan ejekan itu kerana tersimpan di dalam hati untuk berjuang demi maruah bangsa dan negara," katanya.

Dengan ulas bibir yang sentiasa menguntum senyum, beliau menyifatkan ejekan mengenai penggunaan senjata yang ketinggalan zaman



Bayangkan pada saat getir itu, kami terpaksa mengerah tenaga serta fikiran untuk menyelamatkan diri daripada terkena tujahan peluru dan pada masa sama perlu menggali lubang untuk menyelamatkan nyawa

Abas Amran
Bekas Lans Koperal

akhirnya berbaloi kerana sepanjang pasukan mereka bertugas di Congo, RAMD sangat dihormati dan disegani disebabkan kesederhanaan mereka.

"Orang sana (Congo) menggelarkan kami askar 'Matoto' iaitu askar kecil disebabkan saiz badan kami kecil dan rendah berbanding askar negara lain. Selain itu, kami turut digelar 'Mazuri Kapisa' iaitu askar terbaik disebabkan keramahan askar Melayu yang tidak sombong serta menghormati budaya mereka," katanya.

Abas yang kelihatan masih cerias walaupun sudah tujuh tahun mengalami masalah buah pinggang turut mengakui pengalaman menghadapi peperangan di negara orang apatah lagi berlainan budaya dan agama sangat berbeza berbanding menjalani operasi di negara sendiri.